

# USM Tawar eMBA SSME



**Dzulkifli bersalaman dengan Pengarah Urusan IBM, Ou Shian Waei selepas menandatangani MoU USM-IBM**

**Gambar Oleh: Wan Norhaspalela**

Universiti Sains Malaysia (USM) menepati status sebagai Universiti Apex apabila menawarkan Ijazah Lanjutan Pentadbiran Perniagaan Eksekutif (eMBA) dalam bidang Sains Khidmat, Pentadbiran dan Kejuruteraan (SSME).

Kursus eMBA SSME bakal ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan USM ini akan diwujudkan di Pusat Pengurusan Termaju USM hasil kerjasama dengan pihak industri bagi merangka program pengajian yang mampu memberi manfaat kepada ekonomi negara.

Bercakap pada sidang media selepas menyaksikan upacara

menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara USM dan International Business Machine (IBM) Malaysia Sdn. Bhd., Naib Canselor, Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak berkata, pihak industri dan akademia dapat duduk bersama untuk bangunkan pendidikan.

“Kombinasi antara akademia dengan pihak industri dijangka dapat memenuhi kehendak pasaran semasa,”katanya.

Menurut Dzulkifli, SSME ditawarkan kepada pemegang Ijazah Sarjana Muda yang memiliki sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman kerja dan pemegang

diploma dengan 10 tahun pengalaman kerja dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.75.

Turut hadir Pengarah Urusan IBM, Ou Shian Waei, Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa USM, Prof. Ahmad Shukri Musatapa Kamal dan TNC Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Lim Koon Ong serta wakil dari IBM.

Tawaran kursus baru yang akan diadakan secara modular pada hujung minggu bermula dari 9 pagi hingga 5 petang dan akan bermula pada sidang akademik 2009/2010.

Dekan Pusat Pengajian Pengurusan, Prof. Dr. Ishak Ismail dalam ucapannya berkata, penawaran ijazah ini bertujuan melahirkan pelajar dalam pelbagai disiplin seperti kejuruteraan, sains khidmat dan pengurusan.

“Kami percaya kombinasi ini akan mampu melahirkan graduan yang dilengkapi dengan pengetahuan dalam kemahiran pentadbiran dan celik global,” katanya.

Sementara itu, Shian Waei berkata pihaknya sedar akan keperluan untuk melahirkan graduan yang bersifat multidisiplin dan serba boleh.

“Untuk kekal kompetitif, kita perlu melatih kepakaran baru, menggunakan cara baru dan mampu mengakses sumber di peringkat global,” katanya.